**03 SEPTEMBER 2026**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG**

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Akademik di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka.**

**1. JAWATAN : PENSYARAH SAMBILAN SEPENUH MASA (PTFT)**

**2. FAKULTI / BIDANG**

| AKADEMI / FAKULTI | BIDANG |
|---|---|
| FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN | PENGURUSAN TEKNOLOGI PEJABAT |
| FAKULTI PERAKAUNAN | PERAKAUNAN |

**3. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia

(b) Syarat kelayakan

i. Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf;

ii. Memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda / Sarjana / PHD dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti;

iii. Calon-calon mestilah memiliki CGPA 3.00 dan ke atas atau Kelas Kedua Tinggi untuk tahap kelayakan (Ijazah Sarjana Muda / Sarjana) yang diperlukan untuk peringkat pengajaran (Diploma / Ijazah Sarjana Muda);

iv. Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik;

v. Telah tamat pengajian sepenuhnya (sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana);

vi. Mempunyai rekod peribadi yang baik;

vii. Mempunyai pengalaman mengajar dan kemahiran menggunakan teknologi bagi tujuan pengajaran merupakan satu kelebihan.

**4. PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

**1.** Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**

2. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:

- **Kad Pengenalan**
- **Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf**
- **Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)**
- **Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

3. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.

4. Pemohon–pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang.

**5. CARA- CARA MEMBUAT PERMOHONAN**

(a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam **Borang Permohonan Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa (PTFT)** yang boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka atau melayari laman sesawang UiTM Cawangan Pahang di http://pahang.uitm.edu.my

**(b)** Tarikh tutup permohonan adalah pada **10 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS) JAM 5.00 PETANG.**

(c) Sila kemukakan permohonan kepada :

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN**
**BAHAGIAN PENTADBIRAN**
**UiTM CAWANGAN PAHANG**
**KAMPUS JENGKA**
**26400 BANDAR JENGKA**
**PAHANG**
**NO. TEL: (09-460 2033/2106)**